

NO. SOALAN : 113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 18 JUN 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan peratusan kuota FiT diperuntukkan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 yang telah dipasang dan apa tindakan yang sedang diambil terhadap syarikat-syarikat yang telah melepasi tarikh akhir kuota FiT masing-masing.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) telah dilaksanakan pada 1 Disember 2011 dan sehingga 30 April 2014 sebanyak 2,761 permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 517.97 MW telah diluluskan bagi tempoh sehingga separuh tahun pertama 2015. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak 2,311 telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 189.77 MW, sebanyak 322 permohonan dengan kapasiti 286.91 MW masih dalam proses untuk mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan, sebanyak 35 permohonan dengan kapasiti 38.15MW telah dibatalkan dan baki 93 permohonan telah membatalkan kelulusan dengan kapasiti 23.07 MW.

Bagi tahun 2012, sebanyak 355 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 119.32 MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 343 pemasangan dengan jumlah kapasiti sebanyak 104.74MW atau 88%

daripada jumlah kapasiti yang telah diluluskan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dan sedang beroperasi.

Bagi tahun 2013 pula, sebanyak 2,198 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 183.88MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 1,943 pemasangan dengan jumlah kapasiti sebanyak 84.75MW atau 46% daripada jumlah kapasiti yang telah diluluskan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dan sedang beroperasi.

Tuan Yang Dipertua,

SEDA Malaysia juga akan mengeluarkan Notis Niat Menarik Semula Kelulusan Galakan bagi syarikat yang gagal mematuhi *milestones* yang telah diisytihar. Syarikat yang terlibat boleh membuat permohonan untuk melanjutkan masa pencapaian *milestones* tersebut sekiranya mempunyai alasan yang munasabah. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) akan membuat pertimbangan ke atas permohonan yang diterima sebelum memutuskan untuk memberi perlanjutan masa atau menarik balik kelulusan galakan. Sehingga 30 April 2014, SEDA Malaysia telah membatalkan 35 kelulusan dengan

jumlah kapasiti sebanyak 38.15MW kerana gagal memenuhi *milestones* yang telah ditetapkan tanpa alasan yang kukuh atau munasabah.

\*\*\*\*\*